

0066

B B647 AAB
MAHATHIR - CHOGM

I

KUAH (LANGKAWI), 28 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI BERKATA KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL YANG AKAN BERMESYUARAT DI KUALA LUMPUR, LEWAT TAHUN DEPAN, AKAN BERISTIREHAT SEMALAMAN DI PULAU LANGKAWI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU TELAH MENGARAHKAN SUPAYA LEBIH BANYAK BILIK HOTEL DIBINA DI PULAU ITU DAN MEMPERBAIKI KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR SERTA MELANCARKAN RANCANGAN PENGINDAHAN MENJELANG MESYUARAT ITU.

MAJLIS BERISTIREHAT ITU IALAH ACARA TRADISIONAL SEMASA MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) APABILA PARA PEMIMPIN BERKENAAN DENGAN DIIRINGI OLEH ISTERI MASING-MASING BEREHAT SELEPAS BERMESYUARAT SECARA RASMI.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PEMBERITA SELEPAS MENGUCAPKAN SELAMAT JALAN KEPADA RAKAN SEJAWATANNYA DARI SINGAPURA ENCIK LEE KUAN YEW DI LAPANGAN TERBANG DI SINI HARI INI BAHAWA SINGAPURA BERMINAT UNTUK MENAMBAH PELABURAN DI LANGKAWI.

SINGAPURA KINI MEMPUNYAI KEPENTINGAN MINORITI DALAM TIGA PROJEK DI SINI IAITU KEDAH CEMENT, LANGKAWI MARBLE DAN PELANGI BEACH RESORT YANG SEDANG DALAM PEMBINAAN. -- LAGI
1817MST 28 06 88

0071

B B652 AAB
MAHATHIR - CHOGM 2 KUAH

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA +KERANA INILAH ENCIK LEE BERMINAT DATANG KE LANGKAWI BERSAMA-SAMA BEBERAPA ORANG AHLI PERNIAGAAN SINGAPURA.+

PERDANA MENTERI BERKATA PERBINCANGANNYA DENGAN ENCIK LEE SEJAK DUA HARI LALU DI KUALA LUMPUR DAN DI SINI BERLANGSUNG DALAM SUASANA MESRA.

LAWATAN ENCIK LEE KE SINI IALAH SEBAGAI MEMBALAS LAWATAN DATUK SERI DR MAHATHIR KE SINGAPURA TAHUN LALU.

LAWATAN ITU SAMA DENGAN MESYUARATNYA BARU-BARU INI DENGAN PRESIDEN SUHARTO DI JOGJAKARTA, INDONESIA YANG BERTUJUAN UNTUK MENINGKATKAN HUBUNGAN PERSAHABATAN DI KALANGAN PEMIMPIN ASEAN.

MENGENAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN EMPAT PERKARA YANG DITANDATANGANI DENGAN ENCIK LEE PAGI INI, PERDANA MENTERI BERKATA ++SUDAH TENTULAH KEDUA-DUA PIHAK TIDAK BOLEH GEMBIRA DALAM SEBARANG RUNDINGAN.+

MEMORANDUM ITU MENCAKUPI PENJUALAN GAS ASLI DAN BEKALAN AIR TAMBAHAN KE SINGAPURA, PEMBINAAN JAMBATAN BARU DAN PERKHIDMATAN FERI YANG MENGHUBUNGI KEDUA-DUA NEGARA.

+DALAM MANA-MANA RUNDINGAN, KEDUA-DUA PIHAK MUNGKIN SAMA-SAMA TIDAK BERPUAS HATI. KEDUA-DUA PIHAK TIDAK BOLEH SAMA-SAMA BERPUAS HATI KERANA KEDUA-DUA PIHAK TIDAK MENDAPATKAN SEMUA YANG DIMINTA,+ KATA BELIAU. -- LAGI

1826MST 28 06 88

0073

B B655 AAB
MAHATHIR - CHOGM 3 KUAH

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BERPUAS HATI DENGAN HASIL PERBINCANGANNYA DENGAN ENCIK LEE DAN MENAMBAH KATA MALAYSIA TERIKAT DENGAN KOMITMEN DAHULU DAN AKAN MENCUBA MENIKMATI FAEDAH DARIPADA PERJANJIAN ITU.

+MALAYSIA TIDAK MAHU RUGI. TETAPI KITA AKAN MENUNAIKAN JANJI KITA KEPADA SINGAPURA,+ KATANYA.

SEBELUM ITU, SETIAUSAHA AKHBAR ENCIK LEE, JAMES FU MEMBERITAHU PEMBERITA BAHAWA BUTIR-BUTIR BERHUBUNG DENGAN KADAR PENJUALAN AIR KE SINGAPURA BELUM BOLEH DIUMUMKAN KERANA PERKARA ITU BELUM DILULUSKAN OLEH EXCO KERAJAAN NEGERI JOHOR. -- BERNAMA
1830MST 28 06 88